

## Promosi agresif IMS tarik pembikin filem global

Oleh [Mohamed Farid Noh](#) - Februari 28, 2022 @ 11:00am  
[farid\\_noh@bh.com.my](mailto:farid_noh@bh.com.my)



Annuar (kanan) bersama Md Nasir (dua dari kanan) dan Norman (dua dari kiri) ketika melawat IMS, kelmarin. - NSTP/Nur Aisyah Mazalan

KUALA LUMPUR: Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) mahu industri kreatif negara dijenamakan semula dengan satu pakej pemasaran baharu bagi menarik pembikin filem tempatan dan luar negara melakukan penggambaran di Malaysia.

Sehubungan itu, Menteri KKMM, Tan Sri Annuar Musa mengarahkan agensi yang berada di bawah Unit Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) merangka peraturan, polisi dan sistem cukai yang lebih efisien dalam menarik pemain industri kreatif di seluruh dunia.

Katanya, pakej pemasaran industri kreatif negara dijangka mula dipromosikan secara besar-besaran menerusi Festival Filem Cannes di Perancis pada Mei depan.

"Kerajaan menetapkan industri kreatif negara perlu dijenamakan semula. Ini bagi meletak sasaran agar sumbangan industri kreatif kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dapat ditingkatkan berganda lagi.

"Sumbangan industri kreatif kepada KDNK tidak terlalu besar, sedangkan ia amat berpotensi.

"Pada masa ini, kewujudan syarikat produksi baharu juga semakin banyak bagi memenuhi permintaan platform penstriman dan digital di seluruh dunia.

"Jadi, saya melihat Iskandar Malaysia Studio (IMS) memiliki fasiliti ini sangat berpotensi dan perlu dipromosikan secara besar-besaran bagi menarik minat syarikat produksi dan pembikin isi kandungan termasuk filem melakukan penggambaran berbanding memilih studio negara lain," katanya kepada BH Online.

Annuar ditemui selepas acara lawatan kerja di IMS, Nusajaya, Johor, kelmarin.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Prof Dr Md Nasir Ibrahim dan Timbalannya, Datuk Norman Abdul Halim.

Beliau berkata, kerajaan perlu jenama semula industri kreatif negara pada pasca COVID-19 ini.

"Kita kena anggap pasca COVID-19 ini sebagai perlumbaan baharu dalam pelbagai bidang dan tidak boleh terus melaksanakan tugas dengan cara sama seperti sebelum pandemik, sebaliknya memerlukan pendekatan di luar kotak dan lebih agresif," katanya.



Annuar (empat dari kanan) bersama pasukan FINAS mengadakan acara lawatan kerja di IMS, Nusajaya bagi membantu mempromosikan secara besar-besaran. - NSTP/Nur Aisyah Mazalan

Sehubungan itu, Annuar berkata, KKMM akan melihat semula beberapa peraturan, dasar dan sistem cukai bagi industri kreatif sebelum ia dipakej dengan tawaran menarik dan dipasarkan lebih agresif ke luar negara.

"Sasaran kita memasarkan pakej baharu di Festival Filem Cannes pada Mei ini.

"Jadi, PUSPAL perlu mempersiapkan pakej, memulakan langkah pemasaran secara besar-besaran dan agresif.

"Kaedah lama sudah tidak boleh digunakan lagi kerana persaingan sangat sengit. Kita sudah melabur termasuk mewujudkan fasiliti bertaraf dunia, jadi pemasarannya juga perlu bertaraf dunia dalam menarik pemain industri kreatif global ke Malaysia," katanya.

Dalam merangka peraturan dan polisi lebih efisien dalam menarik pemain industri global, Annuar berkata, semua pemain industri dan pemegang taruh perlu duduk bersama.

"Saya sudah arahkan agar KKMM menyelaras melalui PUSPAL di mana kita mengenal pasti antara 15 hingga 16 agensi untuk duduk bersama bagi merangka peraturan dan polisi baharu yang lebih dinamik dan mesra pelabur.

"Kita perlu buat libat urus dengan semua pemain industri agar polisi dan peraturan lebih menyeluruh. Saya juga akan duduk bersama mereka agar pakej polisi baharu penjenamaan semula industri kreatif terutama membabitkan pembikinan filem dan isi kandungan pelbagai medium," katanya.

Annuar berkata, antara polisi dan peraturan yang akan diteliti termasuk sistem percukaian industri kreatif, proses keluar masuk pelabur dan pemain industri kreatif global dan kaedah pengawalan produksi yang sedang berjalan.

"Satu demi satu perkara dilancarkan dan lihat secara besar-besaran menerusi konsep 'digital nomad'.

"Konsep 'digital nomad' adalah di mana pemain industri kreatif berkemahiran sama ada tempatan mahupun luar negara bekerja di studio bertaraf dunia seperti IMS.

"Namun, jika tidak ditawarkan persekitaran kerja yang kondusif dan menarik, sudah tentu akan memilih studio atau fasiliti produksi negara lain yang mempunyai polisi lebih mesra dan mengalu-alukan kehadiran mereka," katanya.

Oleh itu, Annuar berkata, kerajaan perlu merangka polisi dan strategi pemasaran lebih ampuh dalam menarik kehadiran pemain industri kreatif global menjelang pembukaan sempadan negara yang akan diumumkan, tidak lama lagi.

"Kita perlu ambil kesempatan pada saat banyak negara masih menutup sempadan dan kita pula bakal membuka sempadan negara," katanya.

IMS dahulu dikenali Pinewood Iskandar Malaysia Studio (PIMS) mula beroperasi pada 2014. Kompleks studio perfileman paling moden di Asia Pasifik itu terletak atas tanah seluas 20 hektar yang kos pembinaannya bernilai AS\$170 juta (RM730 juta).

Ia pernah diramalkan boleh menyumbang kepada ekonomi Malaysia dalam tempoh tujuh atau lapan tahun dengan anggaran pendapatan AS\$560 juta (RM2.3 bilion) setahun.